

UM sentiasa tegas tangani disiplin pelajar

BH 21 JUL 2001
Oleh Magendran
Rajagopal

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pentadbiran Universiti Malaya (UM) tidak pernah gagal mengambil tindakan terhadap pelajar atau pensyarah yang melanggar kod tata tertib disiplin atau peraturan institusi itu selama ini.

Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Anuar Zaini Md Zain, berkata pihak universiti sentiasa tegas dalam menangani hal disiplin pelajar dan pensyarah, termasuk pembabitan mereka dalam politik secara melampau.

"Universiti adalah pusat memimba ilmu dan sebarang perbuatan yang terpesong daripada matlamat ini dan mencemarkan nama baik UM akan dikenakan tindakan, termasuk menyingkirkan mereka, tidak kira pelajar atau pensyarah.

"Setiap pelajar yang memasuki UM dikehendaki memulakan pengajian dengan berikrar untuk mematuhi peraturan dan tidak akan mencemarkan nama baik institusi ini sepanjang tempoh pengajian mereka.

"Ini sudah menjadi nendirian UM sejak dulu untuk menguatkuasa setiap peraturannya secara tegar tanpa tolak ansur," katanya kepada pemberita selepas perasmian pameran Hutan Hujan Untuk Kesihatan di sini, hari ini.

Baru-baru ini, Perdana Men-

teri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan merangka perjanjian lebih jelas dengan pelajar dan pensyarah universiti bagi memastikan ke-sungguhan masing-masing dalam memperoleh dan memberi ilmu supaya tidak membazirkan wang rakyat.

Perjanjian itu, antara lain bertujuan membolehkan kerajaan menentukan berapa kerap seseorang pelajar menghadiri syarahan dan menilai tahap prestasi yang boleh diterima dalam peperiksaan.

Dr Mahathir berkata, pelajar yang gagal mematuhi syarat akademik, tidak berdisiplin atau gagal menumpukan perhatian kepada pelajaran, akan disingkirkan dari universiti.

Beliau berkata, tindakan yang sama juga akan diambil terhadap pensyarah universiti yang menyalahgunakan kedudukan mereka dengan menyebarkan fahaman politik pembangkang.

Sementara itu, mengenai isu penahanan Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM), Muhamad Fuad Mohd Ikhwan pula, Dr Anuar berkata beliau masih menunggu laporan pihak berkenaan daripada pentadbiran UM.

Fuad ditahan 6 Julai lalu mengikut Seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana pembabitannya dalam satu perhimpunan haram di UM tetapi dibebaskan 10 hari kemudian.